

**GARISPANDU PERMOHONAN
PENDAFTARAN SEBAGAI PENGETUA / GURU
BESAR / TIMBALAN PENGETUA / PENOLONG
GURU BESAR / GURU / *PERMIT TO TEACH* /
PEMBANTU GURU**

1. PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI PENGETUA / GURU BESAR

1.1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN PENGETUA / GURU BESAR:

1.1.1. Pemohon terdiri dari warganegara adalah mengikut kategori seperti berikut:

Kategori Sekolah	Warganegara Brunei	Penduduk Tetap Brunei	Warganegara Asing
Formal	✓	✓	x
Antarabangsa	✓	✓	✓

1.1.2. Mempunyai pengetahuan Kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat, Kebudayaan, Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam serta Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21;

1.1.3. Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau semasa cuti awam;

1.1.4. Fasih dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pengetahuan dalam bidang ICT merupakan satu kelebihan;

1.1.5. Bersih dari Tapisan Keselamatan;

1.1.6. Syarat kelayakan Minima bagi Kelulusan Akademik / Professional adalah seperti berikut:

a. Warga tempatan:

Kategori	Kelulusan Minima	Pengalaman
Sekolah Tadika	i. 5 Kredit GCE O Level; ii. Mempunyai sijil perguruan PGCE atau B.Ed atau M.Ed adalah satu kelebihan.	i. Minima 3 tahun mengajar; ii. Mempunyai Pengalaman sebagai pentadbir sekolah (Pengetua / Guru Besar / Timbalan Pengetua / Penolong Guru Besar) di mana-mana sekolah swasta / kerajaan adalah kelebihan
Sekolah Rendah		
Sekolah Menengah	Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan	
Sekolah Antarabangsa		

b. Warga Asing:

Kategori	Kelulusan Minima	Pengalaman
Sekolah Antarabangsa	Mempunyai sijil perguruan PGCE atau B.Ed atau M.Ed	i. Minima 05 tahun mengajar; ii. Minima 03 tahun pengalaman sebagai pentadbir sekolah atau dalam bidang pengurusan

1.2. TATACARA PERMOHONAN PENDAFTARAN PENGETUA / GURU BESAR:

Pihak sekolah adalah dikehendaki untuk menghadapkan secara bersurat permohonan sebagai Pengetua / Guru Besar baru dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- 1.2.1. Dua (2) keping gambar berukuran passport;
- 1.2.2. Satu (1) salinan Kad Pengenalan Pintar;
- 1.2.3. Satu (1) salinan Pasport [**bagi Warga Asing sahaja**]
- 1.2.4. Satu (1) Salinan Surat Kebenaran Bekerja atas Pas Melawat dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan [**bagi Warga Asing di bawah jaminan suami**];
- 1.2.5. Satu (1) Salinan Sijil kelulusan Akademik Tertinggi;
- 1.2.6. Satu (1) Salinan Transkrip Kelulusan Diploma ke atas;
- 1.2.7. Satu (1) Salinan terjemahan bagi dokumen yang bukan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris yang diperakui benar;
- 1.2.8. Satu (1) Salinan Penyata Diri (CV);
- 1.2.9. Satu (1) salinan surat lantikan sebagai Pengetua / Guru Besar atau Kontrak Perkhidmatan (*Service Contract*) daripada sekolah kepada pemohon;
- 1.2.10. Tugas dan Tanggungjawab sebagai Pengetua / Guru Besar;
- 1.2.11. Struktur Organisasi Pentadbiran Sekolah;
- 1.2.12. Dua (02) *Letter of Commendations* [seperti yang dikehendaki di dalam borang BPS 8 No.16: References].

2. PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI TIMBALAN PENGETUA / PENOLONG GURU BESAR

2.1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN TIMBALAN PENGETUA / PENOLONG GURU BESAR:

2.1.1. Pemohon terdiri dari warganegara adalah mengikut kategori seperti berikut:

Kategori Sekolah	Warganegara Brunei	Penduduk Tetap Brunei	Warganegara Asing
Formal (T/R/M)	✓	✓	✓
Antarabangsa	✓	✓	✓

- 2.1.2. Mempunyai pengetahuan Kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat, Kebudayaan, Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam serta Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21;
- 2.1.3. Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau semasa cuti awam;
- 2.1.4. Fasih dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pengetahuan dalam bidang ICT merupakan satu kelebihan;
- 2.1.5. Bersih dari Tapisan Keselamatan;
- 2.1.6. Syarat kelayakan Minima bagi Kelulusan Akademik / Professional adalah seperti berikut:

a. **Warga tempatan:**

Kategori Sekolah	Kelulusan Minima	Pengalaman
Formal (Tadika)	iii. 5 Kredit GCE O Level; iv. Mempunyai sijil perguruan PGCE atau B.Ed atau M.Ed adalah satu kelebihan.	i. Minima 3 tahun mengajar; ii. Mempunyai Pengalaman sebagai pentadbir sekolah (Pengetua / Guru Besar / Timbalan Pengetua / Penolong Guru Besar) di mana-mana sekolah swasta / kerajaan adalah kelebihan
Formal (Rendah)		
Formal (Menengah)	Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan	
Antarabangsa		

b. **Warga Asing:**

Kategori Sekolah	Kelulusan Minima	Pengalaman
Formal (T/R/M)	Mempunyai sijil perguruan PGCE atau B.Ed atau M.Ed	i. Minima 05 tahun mengajar; ii. Minima 03 tahun pengalaman sebagai pentadbir sekolah atau dalam bidang pengurusan
Antarabangsa		

2.2. TATACARA PERMOHONAN PENDAFTARAN TIMBALAN PENGETUA / PENOLONG GURU BESAR:

Pihak sekolah adalah dikehendaki untuk menghadapkan secara bersurat permohonan sebagai Pengetua / Guru Besar baru dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- 2.2.1. Dua (2) keping gambar berukuran passport;
- 2.2.2. Satu (1) salinan Kad Pengenalan Pintar;
- 2.2.3. Satu (1) salinan Pasport [**bagi Warga Asing sahaja**]
- 2.2.4. Satu (1) Salinan Surat Kebenaran Bekerja atas Pas Melawat dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan [**bagi Warga Asing di bawah jaminan suami**];
- 2.2.5. Satu (1) Salinan Sijil kelulusan Akademik Tertinggi;
- 2.2.6. Satu (1) Salinan Transkrip Kelulusan Diploma ke atas;
- 2.2.7. Satu (1) Salinan terjemahan bagi dokumen yang bukan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris yang diperakui benar;
- 2.2.8. Satu (1) Salinan Penyata Diri (CV);
- 2.2.9. Satu (1) salinan surat lantikan sebagai Timbalan Pengetua / Penolong Guru Besar atau Kontrak Perkhidmatan (*Service Contract*) daripada sekolah kepada pemohon;
- 2.2.10. Tugas dan Tanggungjawab sebagai Timbalan Pengetua / Penolong Guru Besar;
- 2.2.11. Struktur Organisasi Pentadbiran Sekolah;
- 2.2.12. Dua (02) *Letter of Commendations* [seperti yang dikehendaki di dalam borang BPS 8 No.16: References].

3. PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI GURU BAHARU

3.1. SYARAT-SYARAT BAGI PENDAFTARAN SEBAGAI GURU BAHARU:

- 3.1.1. Hendaklah berumur 18 tahun ke atas.
- 3.1.2. Lulus Tapisan Keselamatan.
- 3.1.3. Pemohon tidak pernah disabit kesalahan yang menyebabkan bayaran denda \$2000.00 ke atas atau penjara 1 tahun atau lebih.
- 3.1.4. Memiliki kelulusan akademik yang bersesuaian dengan peringkat dan matapelajaran yang akan diajar adalah satu kelebihan.
- 3.1.5. Syarat kelayakan Minima bagi Kelulusan Akademik / Professional ialah:

a. Warga tempatan ialah 4 'O' level:

BIL	PERINGKAT YANG AKAN DI AJAR	KELAYAKAN MINIMA
1.	Tadika	4 'O' Level atau mempunyai Sijil <i>Early Childhood Care and Education (ECCE)</i>
2.	Rendah	4 'O' Level
3.	Menengah	'A' Level dalam matapelajaran yang akan di ajar atau berkaitan
4.	Pra -U	Diploma

b. Warga Asing ialah Sijil Perguruan. Manakala bagi *subject-matter expert* adalah seperti berikut:

SUBJECT-MATTER EXPERT (SME)		
BIL	KATEGORI	KELAYAKAN MINIMA
1.	<i>Language (Bahasa Arab, Mandarin dan Bahasa lainnya)</i>	Sijil Perguruan
2.	<i>Preschool</i>	i. Sijil <i>Early Childhood Care and Education (ECCE)</i> ; ii. Jika tiada, hendaklah mempunyai Sijil Perguruan DAN mempunyai pengalaman mengajar ECCE dalam tempoh 3-5 tahun dan rujukan dari tempat mengajar.
3.	<i>Menengah Atas (Pure Sciences, Mathematics dan Additional Mathematics)</i>	i. Mempunyai sijil Perguruan atau ; ii. Sijil Kelulusan (bagi subjek berkaitan) dan Sijil Perguruan (cth: PGCE) iii. Mempunyai pengalaman adalah satu kelebihan
4.	<i>Special Needs Education</i>	i. Sijil perguruan atau; ii. Sijil kelulusan yang berkaitan yang diiktiraf (cth: <i>B.A Psychology</i>)
6.	<i>Dance, Music, Martial Arts</i>	i. Sijil kelulusan yang berkaitan dan; ii. Pengalaman mengajar.

- 3.1.6. Tenaga Pengajar matapelajaran Ugama, Al-Quran dan Bahasa Arab hendaklah mendapatkan Surat Tauliah daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama;
- 3.1.7. Tenaga Pengajar Tempatan hendaklah berdaftar dengan Tabung Amanah Pekerja (TAP);
- 3.1.8. Bagi Pegawai atau Kakitangan Warga Tempatan (Kerajaan dan Swasta) yang berhasrat untuk mengajar secara sambilan hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu iaitu:
- 3.1.8.1. Pegawai atau kakitangan Kerajaan hendaklah **mendapatkan surat kebenaran daripada Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam** sepertimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri rujukan: (8)JPM/J/E/15 Pt.2 bertarikh 01 September 1999;
- 3.1.8.2. Pegawai atau kakitangan Swasta **mendapatkan surat kebenaran daripada majikan;**
- 3.1.9. Tiada had umur ditetapkan bagi permohonan guru Warga Tempatan. Walau bagaimanapun, bagi guru-guru yang telah mencapai umur 60 tahun, hendaklah mendapatkan Pengesahan Laporan Kesihatan daripada klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan atau swasta.
- 3.1.10. Tenaga Pengajar Warga Asing perlu mematuhi had umur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Buruh mengikut kategori jawatan:

Kategori Jawatan	Warganegara Asing
Pensyarah	65 Tahun
Pengetua / Guru Besar / Guru	60 Tahun
Pelatih	55 – 58 Tahun tertakluk kepada jenis kemahiran yang diperolehi

- 3.1.11. Tenaga pengajar warga asing yang telah berumur 55 tahun ke atas hendaklah mendapatkan Pengesahan laporan kesihatan daripada klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan atau swasta.
- 3.1.12. Majikan yang diberikan Surat Sokongan Pendaftaran sebagai Guru bagi memproses pengambilan tenaga pengajar Warga Asing hendaklah mendapatkan perkara-perkara berikut:
- Kebeneran menggunakan kuota daripada Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;**
 - Pas Kerja dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;**
 - Laporan pemeriksaan kesihatan.**
- 3.1.13. Tenaga Pengajar warga asing yang menggunakan Pas Lawatan dibawah jaminan suami (warga tempatan) hendaklah menghadapkan salinan surat Kebeneran dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.
- 3.1.14. Tenaga Pengajar yang memegang jawatan seperti yang tersenarai dibawah *Allied Health Professions* tidak perlu berdaftar di Jabatan Pendidikan Swasta.

3.2. TATACARA PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI GURU BAHARU:

Pihak sekolah adalah dikehendaki untuk menghadapkan secara bersurat permohonan sebagai guru baru dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- 3.2.1. Surat Iringan
- 3.2.2. Dua (2) Borang BPS 8 [1 borang asal & 1 salinan]
- 3.2.3. Dua (2) keping gambar berukuran passport
- 3.2.4. Satu (1) salinan Kad Pengenalan Pintar [bagi Warga Tempatan sahaja]
- 3.2.5. Satu (1) salinan Pasport [bagi Warga Asing sahaja]
- 3.2.6. Satu (1) Salinan Surat Kebenaran Bekerja atas Pas Melawat dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan [bagi Warga Asing di bawah jaminan suami]
- 3.2.7. Satu (1) Salinan Sijil kelulusan Akademik Tertinggi yang diperakui benar.
- 3.2.8. Satu (1) Salinan Transkrip Kelulusan Diploma ke atas yang diperakui benar.
- 3.2.9. Satu (1) Salinan terjemahan bagi dokumen yang bukan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris yang diperakui benar.
- 3.2.10. Satu (1) Salinan Penyata Diri (CV)
- 3.2.11. Satu (1) Salinan Surat Pengiktirafan Mengajar daripada Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) [Bagi Pemohon Institusi Pengajian Tinggi Swasta]
- 3.2.12. Satu (1) Salinan Surat tauliah daripada Majlis Ugama Islam Brunei mengajar di Institusi yang dipohonkan [bagi pemohon yang akan mengajar Al-Quran / Ugama / Bahasa Arab atau yang berkaitan]
- 3.2.13. Satu (1) salinan surat tawaran bekerja (*Offer Letter*) atau Kontrak Perkhidmatan (*Service Contract*) daripada sekolah kepada pemohon
- 3.2.14. Dua (02) *Letter of Commendations* [seperti yang dikehendaki di dalam boring BPS 8 No.16: References]
- 3.2.15. Salinan sijil-sijil berkaitan

4. PERMOHONAN PENDAFTARAN PERMIT TO TEACH

4.1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN PERMIT TO TEACH:

- 4.1.1. Terdiri daripada warga Tempatan sahaja (Warganegara Brunei atau Penduduk Tetap);
- 4.1.2. Berusia 18 tahun ke atas.
- 4.1.3. Syarat kelayakan Minima bagi Kelulusan Akademik ialah 4 'O' level;
- 4.1.4. Tenaga Pengajar berikut adalah dikehendaki untuk didaftarkan sebagai Pendaftaran Permit to Teach:
 - 4.1.4.1. **Seseorang yang dilantik bagi menggantikan sementara guru mereka yang cuti beranak atau berhenti secara mengejut;**
 - 4.1.4.2. **Calon guru yang belum diambil secara tetap (*probation period*) bagi tujuan menguji kebolehan mengajar guru berkenaan;**
 - 4.1.4.3. ***I-ready Apprentice.***
- 4.1.5. Tenaga Pengajar matapelajaran Ugama, Al-Quran dan Bahasa Arab hendaklah mendapatkan Surat Tauliah daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama;
- 4.1.6. Tenaga Pengajar Tempatan hendaklah berdaftar dengan Tabung Amanah Pekerja (TAP).

4.2. TATACARA PERMOHONAN PENDAFTARAN PERMIT TO TEACH:

Pihak sekolah adalah dikehendaki untuk menghadapkan secara bersurat permohonan *Permit to Teach* (**dengan menyatakan Subjek yang akan diajar**) baru dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- 4.2.1. Satu [1] Borang *Second Schedule (Form D) Application for a Permit to Teach*;
- 4.2.2. Satu [1] keping gambar berukuran pasport;
- 4.2.3. Satu [1] salinan Kad Pengenalan Pintar;
- 4.2.4. Satu [1] Salinan Sijil kelulusan Akademik Tertinggi;
- 4.2.5. Satu [1] Salinan Transkrip Kelulusan Diploma ke atas;
- 4.2.6. Satu [1] Salinan Penyata Diri (CV);
- 4.2.7. Satu [1] Salinan Kad Pelajar / Keputusan Terkini / Surat Kemasukan ke Institusi (**jika masih menuntut di Institusi Pengajian Tinggi**);
- 4.2.8. Satu [1] salinan *Apprenticeship Agreement* (**jika pemohon dibawah *i-Ready (i-Rdy) Apprenticeship Programme***);
- 4.2.9. Salinan Surat Cuti Beranak bagi guru yang akan diganti (**jika menggantikan guru yang akan cuti beranak**);
- 4.2.10. Satu (1) Salinan Surat tauliah daripada Majlis Ugama Islam Brunei [**bagi pemohon yang akan mengajar Al-Quran / Ugama / Bahasa Arab**];
- 4.2.11. Satu [1] salinan Surat Tawaran Bekerja (*Offer Letter*) / kontrak perkhidmatan daripada sekolah kepada pemohon.

5. PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI PEMBANTU GURU

5.1. SYARAT-SYARAT BAGI PENDAFTARAN SEBAGAI PEMBANTU GURU:

- 5.1.1. Terdiri daripada warga tempatan sahaja (Warganegara Brunei atau Penduduk Tetap).
- 5.1.2. Berusia 18 tahun ke atas.
- 5.1.3. Syarat kelayakan Minima bagi Kelulusan Akademik ialah 3 'O' level.
- 5.1.4. Tidak berkhidmat di mana-mana sektor atau institusi lain.
- 5.1.5. Tidak dibenarkan mengambil alih tugas guru atau mengajar.
- 5.1.6. Bertugas di peringkat tadika sahaja.
- 5.1.7. Hanya berkaitan dengan pengurusan, pengawasan dan pengawalan murid sahaja.
- 5.1.8. Tidak dibenarkan ditinggalkan bersendirian di dalam kelas dan hendaklah sentiasa bersama guru yang berdaftar semasa dalam kelas.
- 5.1.9. Tidak dibenarkan dijadikan sebagai Guru Sandaran (*Relief teacher*).
- 5.1.10. Terikat dengan etika cara berpakaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan dan Peraturan Sekolah.

5.2. TATACARA PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI PEMBANTU GURU:

Pihak sekolah adalah dikehendaki untuk menghadapkan secara bersurat permohonan sebagai pembantu guru dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- 5.2.1. Satu (01) Keping Gambar Berukuran Pasport;
- 5.2.2. Satu (01) Salinan Kad Pengenalan Pintar;
- 5.2.3. Satu (01) Salinan Sijil Kelulusan Akademik Tertinggi;
- 5.2.4. Satu (1) Salinan Transkrip Kelulusan Diploma ke atas;
- 5.2.5. Satu (1) Salinan Penyata Diri (CV);
- 5.2.6. Tugas & Tanggungjawab Pembantu Guru;
- 5.2.7. Satu (1) salinan surat tawaran bekerja (*Offer Letter*) atau Kontrak Perkhidmatan (*Service Contract*) daripada sekolah.